

08/04/1997

Cendekiawan dunia sertai simposium

KUALA LUMPUR, Isnin - Simposium Antarabangsa Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), di sini pada 25 hingga 27 April ini, terus menerima penyertaan cendekiawan dunia.

IKIM hari ini mengesahkan penyertaan Prof Laeeq Ahmad Khan dari Pakistan dan Fadi Kamel Ismail dari United Kingdom.

Prof Laeeq ialah Perunding Media kepada Suruhanjaya Mengenai Celik Huruf di Kementerian Pendidikan Pakistan. Bapanya, Siddiq Ahmad Khan, adalah ilmuan yang banyak menghasilkan karya Islam.

Dalam simposium itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad akan menyampaikan ucap terna bertajuk 'Dunia Islam dan Kerjasama Sejagat: Persiapan Menghadapi Abad Ke-21'.

(END)